



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : TEORI SENIBINA 2
KOD KURSUS : DSB2163
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (80 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Ruang anjung (serambi) merupakan salah satu bahagian utama yang terdapat pada sesebuah Rumah Tradisional Melayu. Antara berikut yang manakah merupakan ciri- ciri dan fungsi ruang anjung

- i. 'Semi-Public'
- ii. 'Semi-Private'
- iii. Ruang kaum wanita
- iv. Ruang kaum lelaki melakukan kerja

- A i, iv
B ii, iv
C i, iii, iv
D ii, iii, iv

2. Antara berikut yang manakah merupakan faktor yang mempengaruhi pembinaan Rumah Tradisional Melayu


- i. Nilai
- ii. Cuaca
- iii. Alam Sekitar
- iv. Budaya & Adat Resam

- A i dan ii
B i dan iii
C i, ii dan iv
D i, ii, iii dan iv

3. 'Ia mempunyai ruang hadapan yang dipanggil serambi dan di bahagian hujung serambi adalah ruang anjung, banyak digunakan di masjid dan surau...'

Penyataan ini merujuk kepada jenis bentuk bumbung

- A Rumah Perabung Lima
- B Rumah Perabung Perak
- C Rumah Perabung Limas
- D Rumah Perabung Panjang



Gambar rajah 1

4. Merujuk kepada gambar rajah 1 di atas, apakah jenis variasi Rumah Tradisional Melayu tersebut.
- A Selang
 - B 'Courtyard'
 - C Rumah Pantai Timur
 - D Rumah Gajah Menyusu
5. Berikut merupakan bandar-bandar yang mempunyai gaya bahasa dan rekabentuk yang dipengaruhi oleh Senibina Kolonial **kecuali**
- A Ipoh
 - B Taiping
 - C Kuantan
 - D Georgetown

6. *'Ia mempunyai rekabentuk Moorish / Moghul, menjadi penanda aras bangunan pertadbiran di sekitar Kuala Lumpur dan menggunakan bahan binaan yang dibawa masuk oleh Arkitek Inggeris...'*

Penyataan ini merujuk kepada

- A Masjid India
 - B Masjid Ubudiah
 - C Masjid Sultan Abu Bakar
 - D Bangunan Sultan Abdul Samad
7. Kota A Famosa adalah merupakan kubu pertahanan yang dibina oleh penjajah Portugis. Kenyataan berikut adalah benar **kecuali**
- A Kota A Famosa adalah antara senibina Eropah tertua yang wujud di Asia.
 - B 'Rampart' adalah merupakan tembok tinggi yang mengelilingi kubu pertahanan.
 - C 'Bastion' ialah benteng atau 'katelum' yang berbucu tajam dan menganjur keluar dari tembok.
 - D 'Rampart' adalah merupakan menara yang mempunyai peranan sebagai 'four-level keep', kediaman kapten dan pegawai lain dan ruang simpanan.
8. Di antara yang berikut, pilih padanan gaya senibina Barat dan contoh bangunannya yang **BETUL**
- i. Neo-Gothik: Gereja Holy Rosary, Kuala Lumpur
 - ii. Neo-Klassik: Majlis Perbandaran Taiping, Perak
 - iii. Neo-Klassik: City Hall, Georgetown, Pulau Pinang
 - iv. Moorish: Masjid Melayu Lebuh Aceh, Pulau Pinang

- A i dan ii
- B i dan iii
- C i, iii dan iv
- D i, ii, iii dan iv

9. Berikut merupakan sektor penggerak utama penggerak Revolusi Industri **kecuali**

- A Tekstil
- B Kuasa Stim
- C Perkembangan Ilmu
- D Pembuatan Besi

10. Antara arkitek yang terkenal dengan gaya 'Art & Crafts' ialah

- i. John Morris
- ii. John Ruskin
- iii. William Morris
- iv. William F Lamb

- A i dan iii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D ii dan iv

11. '*Rekabentuk bangunan diinspirasi dari Gua Altamira, kediaman berbentuk kompleks dan bumbung poligon yang menggambarkan sarang lebah...*'

Penyataan ini merujuk kepada

- A Casa Milla
- B Casa Battlo
- C Tassel Hotel
- D Sagrada Familia

12. Pilih kenyataan yang **BENAR** mengenai ciri-ciri tipikal bangunan gaya senibina moden.

- A Warna putih
- B Bentuk kotak & ringkas
- C Penonjolan elemen garisan
- D Semua di atas

13. Antara berikut yang manakah memaparkan ciri-ciri pergerakan 'International Style' (De Stijl) pada bangunan Schroder House.

- i. Bereksperimentasi dengan falsafah dinamik.
- ii. Permukaan dinding menggunakan warna-warna prima.
- iii. Menggunakan skema warna yang cerah dan bentuk bangunan berlekuk.
- iv. 'Façade Treatment' menggunakan elemen garisan menegak dan mendatar.

- A i dan iii
B i dan iv
C ii dan iii
D ii dan iv

14. Antara berikut yang manakah merupakan arkitek yang mempunyai pendekatan senibina moden?

- A Peter William
B Peter Behrens
C William Morris
D William F Lamb

15. '*Bangunan ini berbentuk organik dan bersifat tidak simetri, terhasil daripada lakaran ekspresi dan simbol-simbol romantik...*'

Penyataan ini merujuk kepada

- A Casa Milla
B The Bauhaus
C Einstein Tower
D Harvard Graduate Center

16. Bangunan ini mempamerkan usaha Malaysia dalam mencari identiti senibina tempatan melalui forum perbincangan dan eksperimentasi bangunan **kecuali**
- A Bank Bumiputra
 - B Kampus UTM Skudai
 - C Masjid Besi Putrajaya
 - D Bangunan Kota Darul Naim
17. Bangunan ini mempunyai ciri-ciri senibina vernakular tradisi hasil pembentangan berkaitan identiti senibina Malaysia pada tahun 1970an – 1980an **kecuali**
- i. Dewan PWTC
 - ii. Masjid Negara
 - iii. Bangunan Parlimen
 - iv. Kampus UTM Skudai
- A i dan ii
 - B i dan iii
 - C ii dan iii
 - D iii dan iv
18. *'Konsep reka-bentuk Tengkolok yang merupakan salah satu pemakaian tradisi Melayu diaplikasikan secara metafora...'*
- Penyataan ini merujuk kepada
- A Masjid Negara
 - B Istana Budaya
 - C Stadium Negara
 - D Perpustakaan Negara
19. Salinger Residence adalah karya Arkitek _____.
- A Ken Yeang
 - B Jimmy Lim
 - C Hijjas Kasturi
 - D Hisyam Al-Bakri

20. *"Diiktiraf dengan Anugerah Senibina Aga Khan, bangunan korporat yang mengetengahkan prinsip rekabentuk bio-klimatik dan bio-iklim..."*

Kenyataan di atas merujuk kepada

- A Rimbun Dahan
- B Menara Mesiniaga
- C Salinger Residence
- D Perpustakaan Negara

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B


Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1


- a. Namakan bangunan-bangunan berikut beserta gaya senibina barat yang diterapkan.

i.



(2 markah)

ii.



(2 markah)

- b. Gaya senibina rumah kedai terbahagi kepada **empat (4)** gaya iaitu Gaya Awal, Gaya Elektik, Gaya 'Art Deco' dan Gaya Moden. Terangkan **dua (2)** ciri dari setiap rekabentuk bangunan gaya tersebut.

(16 markah)

[20 MARKAH]

SOALAN 2

- a. Era Industri boleh dibahagikan kepada **dua (2)** fasa iaitu Fasa Besi & Kuasa Stim (1750 – 1900) dan Fasa Keluli & Elektrik (1900 – kini). Nyatakan **tiga (3)** perbezaan kesan revolusi industri terhadap senibina bagi kedua-dua fasa ini.
(6 markah)
- b. Kewujudan gaya 'Art & Craft' dan 'Art Nouveau' adalah merupakan kesan daripada perkembangan Revolusi Industri. Berdasarkan kenyataan ini,
- i. Terangkan pergerakan 'Art & Craft' dari segi gerakan dan material.
(4 markah)
 - ii. Nyatakan **dua (2)** arkitek yang dipengaruhi gaya senibina 'Art & Craft'.
(2 markah)
 - iii. Berikan **satu (1)** contoh bangunan gaya 'Art Nouveau'.
(1 markah)
 - iv. Nama arkitek yang merekabentuk bangunan yang anda nyatakan di dalam soalan (b.iii).
(1 markah)
 - v. Berikan **tiga (3)** ciri-ciri senibina contoh bangunan didalam soalan (b.iii).
(6 markah)

[20 MARKAH]

SOALAN 3

- a. Konsep Rumah Praire adalah suatu pendekatan senibina oleh Frank Lloyd Wright.
- i. Terangkan **tiga (3)** elemen kunci yang terdapat pada konsep tersebut.
(10 markah)
 - ii. Nyatakan **dua (2)** contoh bangunan konsep Rumah Praire.
(2 markah)
- b. Selain konsep Rumah Praire, Frank Lloyd Wright juga telah mencetuskan beberapa falsafah yang mengagumkan. Antaranya ialah Senibina Kubism.
- i. Terangkan konsep Senibina Kubism.
(2 markah)
 - ii. Berikan **satu (1)** contoh bangunan yang menggunakan konsep Senibina Kubism dan nyatakan **dua (2)** ciri rekabentuk bangunan tersebut.
(6 markah)

[20 MARKAH]

SOALAN 4

a. Namakan arkitek bagi bangunan-bangunan yang disenaraikan di bawah dan terangkan secara ringkas **dua (2)** ciri senibina bagi setiap bangunan berikut.

- i. Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur
- ii. Menara Mesiniaga, Selangor
- iii. Rimbun Dahan, Kuala Lumpur

(15 markah)

b. Huraikan konsep dan ciri-ciri senibina bangunan Masjid Negara yang dibina pada tahun 1985 oleh Dato Dr. Ikmal Hisham Al Bakri.

(5 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

